



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PENGANALISA SISTEM (B.2 EB.3)
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PENGANALISA SISTEM
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Sains Komputer / Sistem Maklumat atau bidang yang berkaitan dengan hal ehwal komputer.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
- b) Mempunyai pengalaman dan kebolehan berikut adalah diberi keutamaan:
 - i) Mempunyai kebolehan yang baik dalam komunikasi lisan dan tulisan.
 - ii) Mempunyai pengalaman praktikal dalam pengurusan pelbagai:
 - Projek dan perkhidmatan Teknologi Maklumat;
 - Platform Teknologi Maklumat terkini; dan
 - Proses *re-engineering* dan sistem kualiti melibatkan Teknologi Maklumat.
 - iii) Mempunyai pengetahuan dalam pelbagai:
 - Dasar dan peraturan Kerajaan dalam bidang pejabat, kakitangan, kewangan dan Teknologi Maklumat.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengurus pelaksanaan projek-projek dan perkhidmatan *Information and Communications Technology (ICT)* dengan teratur termasuk pelaksanaan rancangan-rancangan dan pengendalian sumber-sumber projek dan perkhidmatan berkenaan;
2. Mengkaji, mereka-bentuk dan membuat sokongan pembaikan yang inovatif kepada sistem-sistem, proses-proses dan struktur yang sedia ada yang boleh membantu Kementerian / Jabatan mencapai misi, matlamat-matlamat dan objektif-objektifnya antaranya melalui *Business Process Re-engineering (BPR)*;



3. Bertanggungjawab dalam mengurus sistem-sistem maklumat dan keperluan peralatan-peralatan (*ICT*);
4. Mentadbir dan memastikan keselamatan, tahap konsistensi dan integriti sistem aplikasi dan data;
5. Menganalisis masalah dan keperluan projek dan perkhidmatan berkenaan dan mengendali tindakan-tindakan yang perlu diambil mengenainya mengikut bidang kuasa diberikan dan membuat laporan / sokongan kepada Ketua bila diperlukan;
6. Membantu menyediakan piawaian, dasar dan prosedur untuk memastikan pengoperasian mengikut amalan terbaik (*Best Practices*);
7. Mengurus dan merancang tugas-tugas pegawai dan kakitangan (*ICT*) di bawah tanggungjawabnya;
8. Memberikan khidmat nasihat kepada pengguna bagi apa jua kaitan dengan projek-projek (*ICT*); dan
9. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan atau wakilnya dari semasa ke semasa.